

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

SOALAN NO. 269

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. apakah usaha pihak Kementerian dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memudahkan proses pendaftaran anak-anak tanpa status warganegara berusia 18 tahun ke bawah untuk belajar di sekolah Kerajaan; dan
- b. adalah dimaklumkan bahawa terdapat segelintir anak-anak di kawasan Miri tidak berpeluang untuk memasuki Tahun 1 di sekolah Kerajaan kerana tidak memiliki sijil lahir atas sebab-sebab seperti mereka dilahirkan di pedalaman dan proses permohonan yang menyukarkan semasa mereka sudah berusia 7 tahun ke atas sebab anak-anak tersebut sudah tidak bersama ibu bapa kandung atau anak tersebut adalah di bawah jagaan ahli keluarga dan sebagainya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu anak-anak yang tidak memiliki sijil lahir untuk mendaftar dan belajar di sekolah Kerajaan sementara menunggu proses permohonan sijil lahir.

JAWAPAN (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyelesaikan masalah kanak-kanak tanpa dokumen untuk diterima

NO. SOALAN: 269

masuk ke sekolah rendah bagi meneruskan sesi pembelajaran terutamanya di kawasan luar bandar berdasarkan:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009 bertarikh 11 Mac 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen yang menjelaskan penerimaan kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen, iaitu anak kepada salah seorang ibu atau bapanya warganegara Malaysia bersekolah di sekolah kerajaan;
2. Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018: Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara dengan memberikan tempoh dua tahun kepada ibu bapa atau penjaga menguruskan dokumen pengenalan diri kanak-kanak ini;
3. Menyahut amanat oleh YB Menteri Pendidikan bagi mendaftarkan kanak-kanak tanpa dokumen yang salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara untuk bersekolah; dan
4. Menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi membantu murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak tersebut.

RT32/269